

Untuk Siaran Segera

Biasiswa Panasonic untuk pelajar Malaysia

Kuala Lumpur, 5 November 2009 –Panasonic Corporation (PC) yang dahulu dikenali sebagai Matsushita Electric Industries - pengilang barangan Panasonic, telah melaksanakan hasratnya untuk melancarkan Program Biasiswa Panasonic pada tahun 1998 bagi mempelawa para pelajar dari Malaysia dan negara-negara Asia yang lain untuk mengikuti kursus sarjana di Jepun.

Biasiswa ini telah membuka peluang kepada para pelajar cemerlang dari negara-negara berkenaan untuk menjalankan penyelidikan di universiti-universiti di Jepun dan membolehkan mereka menyumbang ke arah pembangunan negara masing-masing, disamping mengeratkan lagi jalinan antara negara-negara berkenaan dengan Jepun dalam Abad ke-21 ini.

Program biasiswa kini telah memasuki tahun yang keduabelas. Dari tahun 1998 hingga 2009, 38 pelajar telah dipilih dari Malaysia.

Seramai 31 orang penerima Biasiswa Panasonic dari kumpulan pertama hingga kesembilan itu telah menamatkan pengajian dan memperolehi Ijazah Sarjana mereka.

Sembilan daripada graduan itu kini menjadi pensyarah di universiti tempatan, enam graduan bekerja di sektor swasta di Malaysia dan sembilan graduan telah menetap di Jepun dan bekerja di syarikat-syarikat di Jepun termasuk Panasonic. Empat graduan sedang melanjutkan pengajian peringkat PhD di universiti di Jepun dan satu lagi di Germany.

Kumpulan kesembilan pelajar pula dalam tahun akhir pengajian Sarjana. Kumpulan kesepuluh pelajar yang telah lulus menduduki ujian kemasukan dan Ujian Kemahiran Bahasa Jepun kini pelajar tahun pertama. Kumpulan kesebelas pelajar kini sedang membuat pengajian di beberapa universiti di Jepun sebagai pelajar penyelidikan dan dalam usaha memantapkan penguasaan Bahasa Jepun. Pada tahun ini, dua lagi calon telah dipilih.

Pemohon untuk program ini mestilah terdiri daripada warganegara Malaysia dan pelajar universiti yang telah menamatkan kursus ijazah tidak lebih daripada empat tahun pada tarikh permohonan (atau seorang pelajar yang akan menamatkan pengajian dalam tahun 2009). Pemohon mestilah dalam pengkhususan Sains, Kejuruteraan, Teknologi Maklumat dan Bio-Teknologi. (Nota: kecuali Sains Perubatan, Farmasi dan Pergigian) Mereka juga mesti berminat dan mempunyai semangat yang tinggi untuk menyumbang ke arah pembangunan Malaysia serta menjalinkan hubungan erat antara Malaysia dan Jepun. Setelah proses pemilihan termasuk sesi temuduga dilakukan, dua orang calon yang berjaya akan dianugerahkan dengan Biasiswa ini selama tiga tahun.

Dua orang pelajar yang terpilih ini akan mempelajari bahasa Jepun dan menghabiskan masa selama dua tahun untuk kursus Sarjana seperti keterangan di bawah:-

- a) Tahun Pertama : Calon-calun akan mempelajari bahasa Jepun di institusi bahasa Jepun dan pada masa yang sama mendaftar sebagai pelajar penyelidikan di universiti di Jepun. Kemahiran berbahasa Jepun adalah amat penting apabila calon-calun ini mendaftar untuk program sarjana.
- b) Tahun Kedua & Ketiga :Calon-calun akan mendaftar dan menamatkan kursus sarjana mereka di Jepun.

Dua (2) orang penerima Panasonic Scholarship bagi tahun 2010 adalah:

- i) **Mr. Chan Poh Kam dari University Technology of Malaysia**
- ii) **Ms. Subhashini Raj dari from University of Malaya**

Mengenai Syarikat Kumpulan Panasonic di Malaysia

Dikenali dengan jenama Panasonic, Pusat Pentadbiran Global & Kumpulan Korporasi Panasonic yang berpangkalan di Osaka, Jepun merupakan peneraju serata dunia di dalam pembangunan dan pengeluar produk elektronik untuk rangkaian meluas seperti pengguna, perniagaan dan keperluan industry.

Syarikat Kumpulan Panasonic di Malaysia beroperasi di bawah satu misi perniagaan untuk memajukan kualiti kehidupan dengan prinsip untuk berkhidamat kepada 3 persatuan dari pelbagai aspek dengan focus utama adalah terhadap produk, pelajaran, komuniti dan alam sekitar.

Untuk siaran akhbar dan gambar, sila muat turun daripada www.pmpressroom.com

Perhubungan Media: Azizah Wahid
Pengurus Besar, Komunikasi Korporat & Penjenamaan
Tel: 03 7809 7876 Fax: 03 7955 1857 Mobil: 019 217 2730
Emel: azizah.wahid@my.panasonic.com

Pejabat Biasiswa Panasonic, Malaysia
Hiroko Kinjo
Pengurusan Panasonic Malaysia Sdn. Bhd.
Lot 5, Persiaran Tengku Ampuan,
Section 21, 40300 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
Tel. No. : 03-5891 3907 Fax No. : 03-5891 3985
E-mel: hiroko.kinjo@my.panasonic.com

###